

TARIKH	14 / 03 / 2013 & 2014	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	4	RUANGAN	METROPLUS



KAMARUDIN (tengah) beramah mesra dengan Rozian (kiri) selepas majlis penyerahan rumah Projek Baiti TH di Kampung Kerdas 2, Gombak.

Miliki rumah lepas suami meninggal

Gombak: "Hanya Allah yang tahu betapa sayu hati ini apabila kata-kata arwah suami yang kami akan mendapat rumah baru selepas dia meninggal dunia menjadi kenyataan," kata Rozian Mohd Ali, 47, ketika ditemui di rumah barunya di Kampung Kerdas 2, di sini, semalam.

Rozian menerima rumah baru sumbangan Tabung Haji (TH) menerusi Projek Baiti TH kira-kira dua bulan lalu selepas pemergian suaminya akibat sakit tua pada 2010.

Menurutnya, dia bersama arwah suami dan tiga anak sebelum ini hanya berteduh di dapur rumah peninggalan bapanya sejak 20 tahun lalu berikutan tidak mampu memiliki rumah baru.

Bagaimanapun katanya, dia tidak pernah merungut mengenai nasibnya, sebaliknya bersyukur dikurniakan suami dan anak yang memahami dan penyayang.

"Alhamdulillah, kami sekeluarga tidak berpecah walaupun tidak mempunyai rumah sempurna seperti orang lain.

"Cuma saya terkilan apabila tidak dapat tinggal bersama arwah di rumah baru dan menjalani kehidupan bersama," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi TH Datuk Seri Kamarudin Mat Ali berkata, menerusi Projek Baiti TH, pihaknya memberi keutamaan kepada golongan asnaf yang memerlukan untuk mene-

rima bantuan disediakan.

Menurutnya, sejak dua tahun lalu, TH sudah memperuntukkan RM3.35 juta untuk projek berkenaan.

"Projek Baiti TH adalah Program Tanggungjawab Sosial Korporat TH yang dijalankan setiap tahun bagi membantu golongan kurang berkemampuan membaik pulih atau membina semula rumah mereka.

"Setakat ini, TH mensasarkan asnaf di tujuh negeri untuk pembinaan 70 rumah baru dan sebuah masjid serta membaik pulih 21 rumah sedia ada," katanya.

Menurutnya, negeri yang terbabit ialah Pahang, Johor, Perak, Selangor, Kelantan, Terengganu dan Kedah.